



20 MAR, 2023

## Bajet RM3 juta bina 10 lagi RDC

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

## Bajet RM3 juta bina 10 lagi RDC

**KUALA KANGSAR** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merancang untuk membangunkan 10 lagi Ruang Daya Cipta (RDC) tahun ini melibatkan peruntukan hampir RM3 juta.

Menterinya, Chang Lih Kang berkata, sasaran dibuat selepas mendapat maklum balas positif daripada penduduk, khususnya luar bandar yang menggunakan kemudahan disediakan di pusat berkenaan.

"Di seluruh Malaysia kita sudah ada 10 RDC, sasaran tahun ini kita cuba tambah 10 lagi atau lebih kerana peruntukan itu sudah ada, sekitar RM300,000 setiap satu.

"Cuma mungkin kali ini kita laksanakan melalui geran sepadan bersama kerajaan negeri atau wakil rakyat supaya lebih ramai dapat menikmati impak teknologi dan inovasi sains ini," katanya kepada pemberita sempena lawatan kerja ke Manong dekat sini pada Ahad.

Ahli Parlimen Tanjung Malim itu turut merasmikan pembukaan RDC di Manong, yang pertama di



**Lih Kang (kanan) meninjau FFM di Manong, sebuah tapak akuaponik berasaskan teknologi nano berskala besar pada Ahad.**

negeri Perak.

Selain Manong, MOSTI telah membangunkan RDC di Sabak Bernam (Selangor), Sandakan (Sabah), Langkawi (Kedah), Tumpat (Kelantan), Kuala Terengganu (Terengganu), Bera (Pahang), PKD Layang-Layang dan Kota Tinggi (Johor) serta Miri (Sarawak).

Lih Kang berkata, RDC yang dibangunkan melalui Yayasan Inovasi Malaysia itu menggabungkan elemen automasi dan pembekalan seperti bengkel mesin, kraf tangan, per-

alatan mini studio dan sudut inovasi yang boleh digunakan secara percuma kepada orang awam.

Dalam lawatan itu, Lih Kang turut merasmikan Floraponic Farm Malaysia (FFM) iaitu sebuah tapak akuaponik berasaskan teknologi nano berskala besar.

Beliau juga menyaksikan perjanjian jual beli ladang kontrak antara peserta kontrak pemasaran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).



20 MAR, 2023

## Bajet RM3 juta bina 10 lagi RDC

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA KANGSAR - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merancang untuk membangunkan 10 lagi Ruang Daya Cipta (RDC) tahun ini melibatkan peruntukan hampir RM3 juta. Menterinya, Chang Lih Kang berkata, sasaran dibuat selepas mendapat maklum balas positif daripada penduduk, khususnya luar bandar yang menggunakan kemudahan disediakan di pusat berkenaan.